



SEBAHAGIAN pelatih pada Majlis Penutup Kursus Kadar Siri 1/2013 Rejimen 505 di UMP semalam.

Metro (Setiap-satu) Sabtu 16/2/13 nrs 44

## Terima anugerah berkat sabar

**Kuantan:** "Kami terpaksa bermalam di hutan selama empat hari dengan dibekalkan kelengkapan ikhtiar hidup. Ia mencabar ketahanan fizikal dan mental sehingga saya hampir berputus asa.

"Saya kuatkan semangat dan sering mengingatkan diri akan tujuan sebenar saya menyertai askar wataniah untuk dijadikan motivasi menamatkan latihan itu," kata penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohd Hibatul Hilmi Mad Daud, 23.

Berkat kesabarannya sepanjang mengikuti ujian berkenaan, Mohd Hibatul dinobatkan sebagai pener-

ma Anugerah Penuntut Terbaik Kursus Kadar Rejimen 505 Askar Wataniah dalam satu majlis yang diadakan di sini, semalam.

Kátanya, sepanjang sebulan mengikuti kursus itu, latihan medan disifatkan sebagai paling mencabar kerana ia memerlukan dia bersama 39 pelatih lain mempraktikkan ilmu diperoleh untuk bermalam selama empat hari di hutan Bukit Galing.

"Kami dilatih bertempur di hutan dan hanya kekuatan fizikal dan mental selain kesabaran menghadapi cabaran menjadi kunci untuk kami bertahan," kata pelajar

tahun empat Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek itu.

Dia ditemui ketika Majlis Penutup Kursus Kadar Siri 1/2013 Rejimen 505 Askar Wataniah yang dirasmikan Pegawai Pemerintah Battalion Pertama, Leftenan Kolonel Tengku Datuk Seri Kamalulzaman Sultan Abu Bakar di Dataran Canseleri UMP, semalam.

Dalam majlis itu juga, dua lagi penuntut iaitu Siti Fatimah Teeoman, 23, dan Mohd Taufiq Mohd Tajudin, 23, masing-masing menerima Anugerah Akademik Terbaik dan Anugerah Kawad Terbaik.